

03/06/2004

RTM siar video klip kumpulan taksab agama

RADIO Televisyen Malaysia (RTM), akan menyiarkan video klip berkaitan kegiatan pelbagai kumpulan taksab agama selama tujuh hari menerusi slot Berita Perdana TV1, bermula Ahad ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin Maidin, berkata siaran lima minit dianggap sesuai dengan dasar kerajaan yang menentang sebarang bentuk keganasan dan kegiatan yang didalangi kumpulan militan.

Klip video itu juga akan disiarkan dalam berita TV1 pada jam 7 pagi manakala keseluruhan video klip dan pengakuan itu akan disiarkan semula di TV1 pada tarikh yang ditentukan kelak.

"Ini adalah paparan video klip mengenai kegiatan puak taksab agama dan belum pernah disiarkan menerusi mana-mana media elektronik. Pengakuan ahli kumpulan yang sudah insaf mengenai pembabitian mereka dalam kumpulan itu akan turut disiarkan, merangkumi ahli perniagaan, artis, ahli akademik dan pengamal media," katanya kepada pemberita di Lobi Parlimen, semalam.

Beliau berkata, antara yang disenaraikan untuk membuat pengakuan ialah Ketua kumpulan nasyid Rabbani yang juga bekas ahli Arqam, Asri Ibrahim; Timbalan Pengarah Institut Pemikiran Dr Mahathir Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Mansor Mustapa dan penulis novel, Ali Ahmad atau nama lebih dikenali sebagai Nora.

(END)